



Dr Zaliha diiringi Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Noridah Abdul Rahim dan Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL, Ismadi Sakirin pada Majlis Penyerahan Kunci Dapur Digital kepada wakil 10 kawasan PPR baharu, di Kuala Lumpur semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Inisiatif Dapur Digital catat jualan lebih RM1.08j

Kuala Lumpur: Inisiatif Dapur Digital Wilayah Persekutuan mencatat jumlah jualan keseluruhan melebihi RM1.08 juta setakat Mei lalu, sekali gus membuktikan keberkesanannya dalam memperkasakan ekonomi golongan B40 dan miskin bandar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, berkata program berasaskan

komuniti membuka peluang keusahawanan kepada kumpulan sasaran seperti ibu tunggal, belia dan suri rumah yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

“Sepanjang 2024, lima Dapur Digital telah diwujudkan dan beroperasi di PPR Kerinchi, Wangsa Seri, Kampung Limau, Setapak Jaya dan Intan Baiduri,” katanya pada Majlis Pe-

nyerahan Kunci Dapur Digital kepada wakil 10 kawasan PPR baharu, di sini semalam.

Dr Zaliha berkata, susulan kejayaan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan tambahan bagi memperluas inisiatif terbabit menerusi pembinaan 25 lagi Dapur Digital di seluruh negara, termasuk 10 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Beliau berkata, antara ka-

wasan yang terbabit termasuk PPR Seri Semarak, Hiliran Ampang, Seri Alam, Raya Permai, Kampung Muhibbah, Taman Mulia, Beringin, Pangsapuri Sentul Utara, PA Seri Kedah dan PA Seri Perlis 2.

“Ini adalah satu lonjakan besar ke arah pendigitalan bersifat inklusif dan berfokus rakyat,” katanya.

Dr Zaliha berkata, Dapur Digital bukan sekadar berfungsi

sebagai dapur komuniti, malah turut berperanan sebagai pusat pemprosesan makanan, ruang perniagaan e-dagang serta lokasi aktiviti komuniti setempat.

Katanya, inisiatif itu mendapat sokongan pelbagai syarikat swasta termasuk Maxis, Brahmin's, Media Prima, PPB Group, Shopee, TikTok dan Grab Malaysia yang berganding bahu melalui program sokongan keusahawanan seperti ini.